

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA "AKTA AHLI-AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980" UNTUK BACAAN KALI KEDUA, DI DEWAN RAKYAT PADA 11HB DISEMBER, 1980

Tuan Yang Di-Pertua¹,

Saya mohon mencadangkan iaitu "Rang Undang-Undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Di-Pertua, sudah lama benar perkara saraan, elaun, kemudahan, pencen, ganjaran, faedah kemalangan dan lain-lain, yang dibayar dan diberi kepada Ahli-Ahli Parlimen, Yang Di-Pertua—Yang Di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta Anggota Pentadbiran tidak dikaji semula secara menyeluruh.

Dalam tahun 1976, gaji dan kemudahan-kemudahan bagi kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Polis dan Angkatan Tentera telah dinaikkan dan diperbaiki. Mulai daripada satu hari bulan Julai ini, gaji pencen, ganjaran dan kemudahan-kemudahan yang lain akan dinaikkan dan diperbaiki lagi bagi anggota-anggota tersebut.

Tujuan Utama Rang Undang-Undang ini ialah hendak memperbaiki saraan, elaun, pencen, faedah kemalangan dan lain-lain, bagi Ahli-Ahli Parlimen sebagaimana yang terkandung di dalam Rang Undang-Undang ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana kita semua mengetahui, tugas dan tanggungjawab Ahli-Ahli Parlimen sekarang ini amatlah berat. Demokrasi Berparlimen yang ujud di negara kita tidak akan berjalan dengan memuaskan jika Ahli-Ahli Parlimen tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sepenuh masa. Kebanyakan ahli-ahli Parlimen bukanlah orang-orang yang berada. Mereka hendaklah dibantu dengan saraan dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian. Perbezaan mereka sebagai wakil rakyat adalah banyak. Ini kita semua

¹ YAB Tan Sri Syed Nasir bin Ismail.

mengetahuinya. Begitulah juga dengan keadaan Anggota Pentadbiran. Tugas dan tanggungjawab golongan ini tentulah lebih banyak dan berat lagi oleh kerana mereka itu mentadbirkan negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tidaklah payah saya menyebut satu persatunya peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Rang Undang-Undang ini. Tujuan-Tujuan peruntukan-peruntukan itu telah dijelaskan sedikit sebanyak di dalam Huraian kepada Rang Undang-Undang ini.

Rang Undang-Undang ini adalah membuat peruntukan gaji, elaun bulanan Ahli-Ahli Parlimen, faedah kemalangan dan faedah pencen sahaja. Elaun-Elaun lain dan kemudahan-kemudahan lain akan dilaksanakan secara Arahan Yang Di-Pertuan Agong atau Kabinet mengikut yang mana berkenaan.

Tuan Yang Di-Pertua, saya mohon mencadangkan.



YAB Dato Hussein Onn berucap di upacara menepung tawar Kapal TLDM, KD Sri Indera Sakti di Pelabuhan Kelang pada 29hb Disember, 1980.